

Seminar "Usahawan Satu Kerjaya Yang Cemerlang"

Memupuk Semangat Peserta Untuk Berkecimpung Dalam Bidang Perniagaan

Oleh : Fathul Azan Faezan



Tujuan diadakan seminar yang bertajuk "**Usahawan Satu Kerjaya Yang Cemerlang**" ini adalah untuk memupuk semangat dikalangan para peserta untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan apabila tamat pengajian kelak. Sungguh pun kerjaya sebagai usahawan ini memerlukan komitmen serta pengorbanan yang tinggi namun hasil atau pulangan yang bakal diperolehi amatlah lumayan sekira ianya dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Seperti yang sedia maklum, pada masa ini betapa ramai graduan di luar sana yang masih menganggur. Perlu diingat, segulung ijazah hanya melayakkan kita untuk memohon pekerjaan. Bukan melayakkan atau menjanjikan kita untuk

mendapat pekerjaan. Seminar yang melibatkan 35 pelajar ini diadakan pada 16 Januari 2010 bertempat di Eagle Park Resort, Bukit Ayer Perlis. Dikendalikan oleh penceramah yang dijemput dari Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) UiTM Cawangan Arau Perlis iaitu Prof Madya Wan Abaid Bin Wan Ismail, beliau seringkali mengingatkan bahawa untuk menjadi usahawan bukanlah satu kerja yang mudah. Pelbagai rintangan dan dugaan yang bakal dihadapi oleh seseorang itu untuk bergelar usahawan yang berjaya. Namun segala rintangan ini dapat diatasi dengan semangat jatidiri yang kuat, kesabaran yang tinggi serta keikhlasan. Beliau juga banyak bercerita

mengenai pengalaman-pengalaman beliau dalam mencebur入 bidang perniagaan. Di mana usia seawal 5 tahun lagi, beliau telah didedahkan dengan perniagaan dengan menjaga kaunter pembayaran di restoran milik ibu bapa beliau. Secara tidak langsung, ia n y a
a k a n
tertana
m naluri
keusah
awanan
d a l a m
d i r i
beliau.

